

Headline	1,000 kes baru tibi setiap tahun		
Date	28. Mar 2009	Language	MALAY
Media Title	Kosmo	Page No	14
Section	Negara	Article Size	227 cm²
Circulation	120000	Frequency	Daily
Readership	234000	Color	Full Color
		AdValue	



1,000 kes baru tibi setiap tahun

KUALA LUMPUR - Ketika banyak pihak sibuk memberi tumpuan untuk membanteras penyakit demam dan chikungunya, namun sudah ada yang terlupa dengan penyakit tibi yang sebenarnya boleh membawa mati.

Pengarah Institut Perubatan Respiratori, Datin Dr. Aziah Ahmad Mahayidin memberitahu, walaupun kes tibi di negara ini tidak membimbangkan namun jumlahnya semakin meningkat setiap tahun.

"Tahun lalu sabaja, 17,496 orang dikenal pasti dijangkiti tibi dan jumlah kes boleh dikatakan meningkat 1,000 kes setiap tahun."

"Sabah mencatatkan bilangan kes paling tinggi iaitu 3,876, diikuti dengan Selangor (2,374), Sarawak (1,821), Johor (1,700), Wilayah Persekutuan (1,387) dan Kelantan (1,354)," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Hari Tibi Sedunia 2009 di Institut Perubatan Respiratori di sini semalam.

Menurut beliau, peningkatan kes berlaku kerana kurangnya kesedaran orang rata-raya termasuk doktor sendiri untuk menjalankan pemeriksaan kahak apabila seseorang pesakit itu batuk melebihi dua minggu dan tidak pulih selepas diberikan ubat batuk.

"Dulu ada arahan kepada mana-mana klinik dan hospital untuk membuat pemeriksaan kahak tetapi

kini arahan tersebut seolah-olah diabaikan atau tidak diikuti sepenuhnya memandangkan terdapat penyakit respiratori yang lain seperti asma dan bronkitis kronik yang juga meningkat dan berkongsi simptom yang sama iaitu batuk lebih dua minggu.

"Jika doktor hanya memberikan ubat batuk walaupun mengalami batuk terlalu lama, pesakit berhak meminta doktor melakukan ujian lebih-lebih lagi apabila terdapat tanda-tanda lain seperti demam dan berpeluh pada sebelah petang dan malam, susut berat badan, hilang selera makan dan mudah letih," jelasnya.

Sementara itu, ketika ditanya sama ada kes tibi yang semakin meningkat disebabkan kebanjiran warga asing ke negara ini, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan, Dr. Fuad Hashim memberitahu, warga asing bukan penyumbang utama penyakit tibi kerana hanya 10 peratus kes melibatkan mereka.

"Punca utama ialah kurangnya pengesanan di peringkat awal. Ramai penghidap tibi adalah mereka yang mengalami jangkitan HIV dan penyakit-peyyakit seperti diabetes, kegagalan buah pinggang dan rawatan kimoterapi kerana mempunyai ketahanan badan yang rendah," tambahnya.



PARA jururawat melihat kuman di teleskop pada pameran Majlis Hari Tibi Sedunia 2009 di Auditorium Institut Perubatan Respiratori, Kuala Lumpur semalam.